

# Unimas tubuh Pusat Penyelidikan di Mukah

KOTA SAMARAHAN 2 Julai - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan menubuhkan Pusat Penyelidikan bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju utama sumbangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Naib Canselor Unimas, Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi berkata, pusat berkenaan akan dibangunkan di tapak yang disediakan kerajaan negeri di Mukah.

“Pusat penyelidikan yang memberi penumpuan pada aktiviti-aktiviti penyelidikan berkaitan dengan sumber asli dan tenaga boleh diperbaharui akan menjadi sebuah hab penyelidikan penting dalam kawasan pembangunan SCORE.

“Penubuhan Pusat Penyelidikan Unimas, Mukah akan menjadi tumpuan utama aktiviti-aktiviti penyelidikan yang menyumbang terus kepada kemajuan dan pembangunan Score seperti yang dirancang,” katanya ketika berucap dalam Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor 2013 bertemakan Bersama Membina Masa Depan Gemilang di sini baru-baru ini.

Mohamad Kadim merupakan Naib



**SEBAHAGIAN** daripada kakitangan Unimas pada majlis amanat Naib Canselor Tahun 2013 di DeTAR PUTRA di Kota Samarahan, baru-baru ini.

Canselor Unimas Keenam yang dilantik pada 16 April lalu menggantikan Prof. Datuk Dr. Morshidi Sirat.

Sementara itu, beliau berkata, Unimas akan mengkaji proses pelaksanaan penyampaian akademik

terutama dari segi pemilihan program yang ditawarkan, pendekatan pengajaran-pembelajaran serta mengintegrasikan secara pintar di antara pengajaran pembelajaran dan penyelidikan.

Katanya, Unimas akan memastikan pengajaran dan pembelajaran akan bertindak sebagai penyumbang kepada penyelidikan dan sebaliknya bagi memastikan keseimbangan di antara kedua-dua aktiviti

utama universiti tersebut.

“Bagi memastikan universiti dapat terus bersaing dalam arus globalisasi maka mekanisme yang tepat dalam perancangan adalah diperlukan di samping usaha untuk menyediakan graduan yang akan menjadi pemimpin pada masa depan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi mempersiapkan graduan dengan dunia pekerjaan yang kompetitif pula, fokus harus diberikan dalam penyediaan kurikulum yang memberi keutamaan pada penggunaan teknologi terkini demi memastikan penyampaian ilmu dapat dilaksanakan dengan mudah, menarik dan berkesan.

Katanya, pendekatan itu akan memberi peluang kepada Unimas menarik minat graduan yang terdiri daripada Generasi Y untuk terus meneroka ilmu yang dipelajari.

“Semakan semula kurikulum sedia ada perlu dilakukan supaya dapat melahirkan graduan Unimas yang berkualiti, berdiskari dan mempunyai kreativiti tinggi dalam memastikan kebolehpekerjaan graduan yang dihasilkan,” katanya.